



UCAPAN PERASMIAN

TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

YANG BERHORMAT TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN

MOHD TAHIR

SEMPENA

MESYUARAT PEGAWAI KANAN (SOC)

JKR MALAYSIA TAHUN 2019

09 MAC 2019 (SABTU)

GEORGETOWN, PULAU PINANG

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan bin Md Taha

Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Sektor Dasar & Pembangunan)

YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Sektor Pengurusan)

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid

Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

YBhg. Dato' Sr. Aziz bin Abdullah

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj. Osman

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Infra)

YBrs. Tuan Ir. Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)

YBrs. Tuan Ar. Zairul Azidin bin Badri

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bangunan)

YBrs. Puan Mastura binti Shaari

Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Induk Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia 2019

YBrs. Ir. Shahabuddin bin M. Muhayidin

Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Pengelola
Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia 2019

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian,
Pengarah-Pengarah Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai
Kader, Pegawai-Pegawai Kanan dan tuan-tuan dan puan-puan yang
dihormati sekalian.

Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya berasa syukur, kita semua diberi peluang untuk bertemu sempena Perasmian Persidangan Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2019 di Georgetown, Pulau Pinang, dikenali juga sebagai negeri Pulau Mutiara. Ucapan penghargaan dan terima kasih saya zahirkan kepada pihak JKR kerana sudi mengundang saya ke majlis ini dan seterusnya dapat berjumpa dengan warga JKR sekalian. Saya akan membacakan teks ucapan perasmian ini bagi mewakili Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Saya amat berbesar hati untuk berada bersama-sama warga kerja JKR seluruh negara di majlis yang cukup bermakna dan begitu besar ertinya kepada JKR. Pelaksanaan program seumpama ini diharap mampu merencana dan mencorak idea-idea strategik dalam memastikan visi dan misi Jabatan Kerja Raya dicapai dengan jayanya. Harapan saya juga untuk melihat semua agensi di bawah Kementerian Kerja Raya lebih cemerlang dan warganya senantiasa berusaha untuk memperkasa jabatan dan agensi masing-masing ke tahap yang lebih unggul.

2. Pada petang ini sahaja, saya dimaklumkan bahawa acara tahunan JKR ini dihadiri lebih 400 orang pegawai kanan JKR yang terdiri daripada Pengarah-Pengarah Cawangan dan Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah dan Pegawai-Pegawai Kader dari seluruh negara. Semoga mesyuarat yang bermula pada hari ini sehingga 11 Mac 2019 berlangsung dengan jayanya dan membuahkan hasil sepertimana yang dikehendaki. Penganjuran mesyuarat oleh JKR Pulau Pinang di Pulau Mutiara ditambah dengan kelazatan makanannya diharap mampu melahirkan idea-idea yang bernas lagi jitu dalam meningkatkan kualiti dan dan prestasi perkhidmatan JKR khususnya dan menyumbang kepada pembangunan negara secara amnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

TEMA MESYUARAT PEGAWAI KANAN (SOC) JKR 2019

3. Mesyuarat SOC pada tahun ini bertemakan “**JKR: PENERAJU INFRASTRUKTUR NEGARA**”. Ini sejajar dengan peranan JKR sebagai peneraju atau tulang belakang dalam pembangunan jaringan infrastruktur negara yang mendahului jabatan/badan organisasi yang lain di Malaysia.

Jika disusur sejarah, bermulanya JKR di negara ini, adalah pada tahun 1872 semasa zaman pemerintahan Inggeris. Dikenali sebagai Public Works Department (PWD) pada masa itu, JKR merupakan salah sebuah jabatan tertua yang diwujudkan di bawah pemerintahan '*Crown Colony*' sebelum Perjanjian Pangkor. Penubuhan JKR pada ketika itu adalah untuk menyediakan infrastruktur bagi pembangunan sosio-ekonomi dan sistem politik kerajaan Inggeris di Negeri-negeri Selat.

4. Era pasca kemerdekaan menyaksikan—penambahbaikan struktur agensi kerajaan, termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR). Ini merupakan detik permulaan di mana jabatan-jabatan kerajaan di Tanah Melayu dibenarkan untuk melaksanakan polisi dan program masing-masing dan JKR diletakkan dibawah pentadbiran sebuah Kementerian.

5. Tidak dapat dinafikan sepanjang kira-kira 147 tahun perjalanan pra dan pasca kemerdekaan, hingga ke era pembangunan serta kemajuan dewasa ini, JKR telah menyentuh pelbagai aspek dalam kehidupan rakyat Malaysia sehingga ke hari ini. JKR telah menyediakan infrastruktur dan persekitaran yang lebih baik untuk kehidupan seharian. JKR juga bertanggungjawab dalam membina jalan sebagai salah satu cara untuk

berhubung yang mana ia merupakan pemangkin utama dalam pembangunan sosio ekonomi negara. Selain itu JKR juga bertanggungjawab menyediakan air yang bersih dan selamat untuk mewujudkan warga yang bersih dan sihat. Dalam usaha membangunkan negara, aspek seni bina yang melambangkan warisan dan budaya rakyat Malaysia tidak pernah dilupakan. JKR sebagai agensi teknikal utama negara harus berbangga kerana telah memainkan peranan penting dan menjadi penyumbang dalam pembangunan Malaysia yang tercinta ini.

6. Dalam mencorak landskap infrastruktur dan pembangunan Malaysia dalam tempoh mendatang serta selaras dengan saranan dan aspirasi negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 melalui pembangunan rendah karbon, penggunaan teknologi hijau dan penggunaan sumber yang cekap, KKR melalui kerjasama JKR dan CIDB telah menerajui pembangunan lestari dalam bidang pembinaan, dengan memperkenalkan Skim Penarafan Bangunan Hijau *Malaysian Carbon Reduction And Environmental Sustainability Tool* (MyCREST) dan JKR turut melaksanakan Skim Penarafan Hijau (pH JKR). Melalui inisiatif ini setiap bangunan baharu kerajaan yang akan dibangunkan perlu menerapkan ciri dan reka bentuk hijau, serta menggunakan bahan binaan

yang mesra alam. Usaha ini adalah amat bertepatan dengan teras strategik keenam dalam Rancangan Malaysia Ke sebelas (RMK-11), iaitu menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan.

Hadirin sekalian,

PENGGUNAAN INOVASI DAN TEKNOLOGI TERKINI

7. Kemajuan teknologi memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti dan penjimatan kos untuk membangunkan infrastruktur yang mampan di negara ini. JKR seharusnya mempelopori dan membudayakan penyelidikan, inovasi serta penerapan teknologi terkini sekiranya ingin kekal sebagai peneraju pembangunan infrastruktur Negara. Berdasarkan kehendak dan ekspektasi pelanggan yang semakin tinggi, JKR perlu menerapkan pendekatan dan idea baru bagi merealisasikan produktiviti dan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

8. Oleh yang demikian, adalah amat penting untuk warga JKR bertindak segera melaksanakan kaedah dan pendekatan yang lebih kreatif dan berinovatif ke arah memenuhi hasrat jabatan dan pelanggan. Di antara pelaksanaan yang saya kira perlu diambil tindakan segera ialah:

- a) Penyediaan rekabentuk yang fleksibel dengan semua tempat/ tapak dan keadaan;
- b) Penggunaan inovasi dalam bahan binaan mengikut kesesuaian dan sistem di dalam kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan;
- c) Peluasan penggunaan kaedah Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) bagi memendekkan tempoh masa penyiapan projek;
- d) Pengurangan karenah birokrasi melalui kolaborasi di antara agensi-agensi kerajaan pusat, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi swasta; dan
- e) Peluasan penggunaan *Building Information Modelling* (BIM) dalam pelaksanaan projek yang dapat mengurangkan pembaziran dan tempoh pembinaan ke tahap yang minima.

9. Saya sedar dan maklum bahawa JKR sudah mula mengorak langkah ke arah pendekatan yang telah saya nyatakan sebentar tadi, namun usaha

tersebut perlu dilipat gandakan dan diselaraskan dengan lebih strategik untuk membuahkan hasil yang terbaik. Saya percaya, dengan penerapan dan pembudayaan inovasi serta penggunaan teknologi terkini secara menyeluruh di peringkat jabatan, setiap tugas akan dapat dilaksanakan dengan cepat, mudah dan memberi impak tinggi kepada produktiviti jabatan, seterusnya dapat memenuhi agenda pembangunan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

MEMPERKASA ILMU & KEPAKARAN TEKNIKAL

10. Teknologi pembinaan, kaedah perolehan dan pelaksanaan pengurusan projek sering berubah dan ditambah baik seiring dengan peredaran masa dan perkembangan sektor pembinaan. JKR sebagai agensi peneraju bidang teknikal dan kejuruteraan negara perlu memainkan peranan dalam mengadaptasi dan mengembangkan 'ilmu-ilmu' baharu ini bagi menghadapi industri pembinaan yang semakin canggih dan mencabar masa kini. Oleh yang demikian, JKR perlu sentiasa meneroka, membangun dan memanfaatkan teknologi terkini dalam menghasilkan produk kejuruteraan dan projek yang lebih baik dan membanggakan.

11. Saya juga menggalakkan warga JKR untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kepakaran terkini untuk lebih kompetitif, kompeten dan profesional. Sekali lagi saya menyarankan agar Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi Negara (CREaTE) memainkan peranan dalam menyemarakkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi selaras dengan visi dan misi pewujudannya. Adalah penting untuk memperkasa pembangunan modal insan dikalangan warga kerja raya bagi mewujudkan dan meramaikan lagi Subject Matter Experts (SME) bagi memastikan JKR kekal relevan dan berdaya saing dalam industri binaan.

CABARAN MENDATANG

12. Perkhidmatan kerajaan perlulah sentiasa cemerlang dan bertambah baik dari tahun ke tahun terutamanya dari sudut penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Usah jemu berusaha untuk meningkatkan nilai tambah (value added) dan kemahiran serta kepakaran yang dimiliki, termasuk menghasilkan kualiti kerja yang bertaraf global, produktiviti yang sentiasa meningkat serta mengamalkan budaya kreatif dan inovatif.

13. Penjawat awam amnya dan warga JKR khususnya berdepan dengan ekspektasi pelanggan dan permintaan yang semakin meningkat dan mencabar. Sehubungan itu, JKR memerlukan warga kerja yang berdedikasi, beriltizam serta bertekad untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik serta berfikiran di luar kotak kelaziman, bagi menghasilkan perkhidmatan yang benar-benar berkualiti dan cemerlang. Maka, kita perlu sentiasa melipatgandakan usaha bagi memastikan pelanggan sentiasa berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan serta berkeyakinan tinggi terhadap segala kerja yang dilaksanakan oleh jabatan. JKR perlu sentiasa responsif kepada setiap isu dan permasalahan yang timbul sama ada dari sudut positif atau negatif supaya keberadaan JKR sentiasa di hati rakyat.

14. Di kesempatan ini juga saya ingin mengingatkan dan menasihatkan warga JKR agar sentiasa berintegriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Baru-baru ini, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan dan dilaksanakan berdasarkan 22 strategi yang akan diberi keutamaan bagi enam sektor utama. Ia mengandungi 115 inisiatif antirasuah melibatkan sektor iaitu politik; perolehan awam; penguatkuasaan undang-undang; pentadbiran

sektor awam; perundangan dan kehakiman; serta tadbir urus korporat. Saya berharap pelan ini akan meletakkan asas-asas dasar yang akan membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan integriti dan seterusnya berupaya mengekang budaya rasuah di dalam negara.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

15. Keupayaan dan kemampuan JKR sebagai agensi teknikal utama negara akan pasti dinilai dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan kerajaan di bawah RMKe-11. Justeru itu, mesyuarat seumpama ini amatlah bertepatan sebagai platform untuk bersama-sama mencambah minda, merangka inisiatif dan pelan strategik bagi meneruskan kecemerlangan dan kejayaan organisasi demi kelangsungan JKR. Selain itu, mesyuarat ini juga diharap dapat melahirkan kaedah-kaedah kejuruteraan unggul dalam pelbagai bidang yang dapat mencapai hasil seperti yang dikehendaki.

16. Sebelum mengakhiri ucapan ini, besar harapan saya agar Mesyuarat Pegawai Kanan JKR ini berlangsung selaras objektifnya dan membuahkan hasil sepertimana yang dikehendaki. Semoga tema untuk tahun ini dapat

dihayati dan diperincikan sebaik-baiknya agar dapat membantu memperkasa dan memperkukuh peranan JKR sebagai penyedia perkhidmatan pengurusan aset dan pengurusan projek yang terulung dan utama negara agar dapat memberi faedah yang optimum kepada kesejahteraan rakyat dan dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.

17. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2019.

Sekian, terima kasih.